



Siri Suara PAS di Parlimen - 5

KENALI BUDAYA ISLAM

HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD

NASKHAT PEMERINTAHAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

10 AUG 1992

©Hakcipta Penerbit Terpelihara 1991

Mana-mana bahagian buku ini tidak boleh dihasilkan semula dalam apa jua bentuk tanpa terlebih dahulu mendapat keizinan daripada pihak penerbit.

Cetakan Pertama: April 1991

M
324-2595P
IBR

diterbitkan oleh:

JABATAN PENERANGAN, PENYELIDIKAN DAN DAKWAH PAS PUSAT

28A, Jalan Pahang Barat, Off Jalan Pahang,

53000 Kuala Lumpur.

700636

April 1991.

APB

Uruscetak oleh:

Syarikat Perniagaan Al-Hafiz
47 Jalan Raja Muda Abdul Aziz,
53000 Kuala Lumpur. Tel: 2921114

18 NOV. 1993
Perpustakaan Negara
Malaysia

PRAKATA PENERBIT

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah
Lagi Maha Penyayang

MENURUT ajaran Islam, agama dan politik adalah perkara yang satu dan tidak mungkin boleh dipisah-pisahkan. Agama dikira atas tindakan manakala kekuasaan politik pula dikira pengawal kepada kesinambungan agama.

Oleh kerana negara kita Malaysia adalah juga salah sebuah negara yang turut menerima kedatangan penjajah kafir berabad-abad lamanya, maka fahaman atau ajaran Islam yang meletakkan agama dan politik sebagai benda yang satu itu tidak menjadi pegangan semua lapisan masyarakat Islam negara ini. Penjajah kafir telah berjaya meniupkan fahama sekularisme dalam masyarakat Islam negara ini sehingga sebahagian mereka melihat agama itu tidak lebih dari hanya suatu sudut terpencil daripada kekuasaan negara seluruhnya.

Sebagai sebuah jamaah dan harakah yang memperjuangkan Islam, PAS berpegang kepada prinsip bahawa agama dan politik tidak boleh dipisahkan. Itulah yang diajarkan oleh Islam dan itulah yang dicontohkan oleh Baginda Rasulullah SAW sendiri.

Sebagai mencontohi bawaan Rasulullah SAW itu, setiap ulama di dalam PAS tidak terhenti sekadar menjadi ulama yang menadah kitab di tempat-tempat tertentu sahaja. Orang yang sama juga adalah pemimpin politik, pemimpin masyarakat, perancang ekonomi, dan juga pentadbir yang baik.

Tuan Guru Haji Ibrahim Mahmood @ Ibrahim Madinah dari Pondok Darul Quran, Batu Mengkebang, Kuala Krai ini adalah salah satu contoh yang tepat pada masa kini, betapa seorang Tok Guru atau ulama itu tugasnya bukan sekadar mengajar dan memberi kuliah agama di kampung-kampung.

Setelah dipilih oleh rakyat kawasan Kuala Krai untuk mewakili mereka dalam Parlimen, ternyata Ustaz Ibrahim Madinah telah menunjukkan keprihatinannya sebagai seorang ulama atas berbagai-bagai perkara yang berlaku dalam masyarakat; bermula dari soal kebudayaan, pertanian, pengangkutan hingga kepada persoalan pelaburan saham.

Untuk memudahkan para pencinta perjuangan Islam negara ini mengikuti butir-butir ucapan dan soal-jawab Ustaz Ibrahim Madinah di Parlimen, maka kami bukukannya dan kami persembahkan untuk tatapan para pembaca sekalian.

Kami sentiasa mengharapkan Allah untuk terus memberikan kami upaya dalam menerbitkan risalah-risalah berikutnya.

Wallahu Waalam Bissawab. Wa Ilaihil Marja'u Wal Maab.

MOHD. NASIR BIN AWANG
Bahagian Penerbitan Buku,
Jabatan Penerangan, Penyelidikan dan Dakwah PAS Pusat,
Kuala Lumpur.
11 April 1991.

Rancangan Kebudayaan Yang Berfaedah

(Dewan Rakyat, 17.1.1991)

APA yang ingin saya sebutkan di sini melihat kepada Aktiviti Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang antara lain bertanggungjawab dalam penggubalan dasar-dasar dan perancangan pembangunan bagi program kebudayaan.

Ingin saya cadangkan supaya sebarang program atau perancangan pembangunan itu janganlah ia hanya kita ambil kira keuntungan atau kegemaran orang ramai semata-mata. Mestilah diambil kira soal moral atau akhlak sebagai orang Timur, lebih-lebih lagi kalau kita ambilkira dari segi agama. Perlu dititik beratkan di mana ambilannya dan ke mana kesudahannya kebudayaan yang kita bawa kini. Contohnya, kita lihat kebudayaan tari menari; dari segi pakaiannya dan cara liuk-lintuknya apabila kita ambilkira, kadang-kadang kita tengok tarian atau pakaian orang-orang Cina umpamanya lebih tidak menjolok mata daripada kebudayaan Melayu kita. Begitulah

kadangkala berlaku dengan sesetengah kebudayaan kita.

Yang kedua, saya ingin mencadangkan supaya dimasukkan ke dalam Kementerian ini satu ataupun dua orang dari Jabatan Agama Islam atau ketua-ketua agama sebagai penggubal dasarnya atau petunjuk jalan ke arah akhlak yang mulia atau menggambarkan sifat ketimuran kita ini.

Yang ketiga, jangan projek-projek kebudayaan dan pelancongan dihimpun pada satu tempat. Umpamanya kita buat Langkawi dan tertumpu di situ sahaja. Kita cari seberapa banyak tempat lain yang tidak merosakkan alam semulajadi tempat itu, dengan pengawalan-pengawalan dan pengawasan-pengawasan dari segenap segi, baik dari segi pencegah maksiatnya dan lain-lain, supaya tidak timbul perkara-perkara yang tidak diingini oleh agama dan masyarakat kita seluruhnya.

Perkara kedua, saya ingin menyentuh Butiran Urusetia Program Galakan Pelancongan dan Aktiviti Urusetia Tahun Melawat Malaysia. Dalam hal ini marilah sama-sama kita mengambil perhatian supaya tidak berulang lagi perkara yang telah berlaku iaitu masalah Pertandingan Ratu Cantik. Bila kita tanya Kerajaan, ia menjawab bahawa ia hanya sebagai penasihat kepada pertandingan itu. Kita ingin tanya, nasihat apakah yang diberi itu? Dalam bentuk manakah nasihat yang dinasihatkan itu?

Perkara ketiga, kita tidak mahu berdrama. Kalau di siang harinya kita menangis kesedihan di atas kematian Almarhum bekas Perdana Menteri Malaysia, tetapi di sekejap itu juga kita boleh berubah sikap kita dan keadaan kita kepada kesukaan;

kita mengadakan Pertandingan Ratu Cantik pada waktu malamnya. Sedangkan apa yang kita tahu di siang harinya, kita boleh membatalkan satu program yang bercorak Islam - ibadat Islam. Tetapi kita tidak sanggup membatalkan program yang bercorak tidak beragama pada malam itu.

Yang keempat, saya ingin mencadangkan supaya Kementerian ini berusaha memperkenalkan daya tarikan bercorak membangun semangat bergerak dan berusaha. Biarlah kebudayaan kita ini menarik. Contohnya, saya sebut cerita kalau di Kelantan, kebudayaan main wau umpamanya. Ramai yang tidak tahu apa salasilah ataupun asal-usul permainan ini. Kita beritahu kepada orang ramai bahawa salasilahnya ialah sebuah Kerajaan yang diserang oleh musuh, tiba-tiba hancur dan kalah, sehingga anak-anak Rajanya berpecah ke sana ke sini tidak tentu arah.

Setelah sekian lama berpisah, mereka mula berfikir untuk berkumpul semula. Maka mereka memperingatkan satu budaya datuk nenek mereka untuk mengumpul kembali bala tentera dan adik beradiknya, dengan membuat wau. Bila wau itu dinaikkan tinggi di udara, maka ia dapat dilihat di serata tempat. Mereka kenal dengan wau itu dan mereka tuju ke tempat wau itu, berkumpul dan bersama semula. Bermula dari situ, akhirnya mereka dapat menakluki kembali negeri mereka.

Perkara-perkara atau pengajaran-pengajaran seperti inilah kita mesti bawa ke dalam masyarakat kita supaya biarlah berfaedah kebudayaan yang kita rancang atau yang kita bentuk itu. Berfaedah untuk bangsa dan rakyat negara kita, lebih-lebih lagi agama kita.

jauh dari mencukupi.

Kerana itu kita berharap kepada Kementerian Pendidikan khususnya dan kepada Kerajaan umumnya supaya memberikan perhatian kepada sekolah-sekolah jenis ini, termasuk Sekolah-sekolah Agama Rakyat yang mendapat bantuan daripada rakyat. Contohnya, Sekolah Taufiqiyah di Kedah yang pernah mengalami satu tragedi hitam kerana kebakaran. Rakyat seluruh negara telah menghulurkan derma bantuan, tetapi yang kita tahu sekarang ini pihak kerajaan belum menyampaikan bantuan itu kepada sekolah tersebut atas beberapa alasan, yang jelas kepada kita bahawa ini adalah semacam satu usaha melambat-lambatkan pembangunan Sekolah Agama Rakyat seperti itu. Kita harap supaya ia diatasi secepat mungkin.

Seterusnya saya ingin berpindah ke Butiran Pendidikan Tinggi ataupun Institusi Pengajian Tinggi. Di dalam negara kita buat masa ini hanya ada 5 politeknik, 25 maktab perguruan, 2 kolej dan 7 buah universiti. Ini sudah tentu tidak dapat menampung pelajar-pelajar di peringkat menengah yang tidak kurang bilangannya satu setengah juta buat masa ini. Kerana itu kita menyarankan kepada Kementerian Pendidikan supaya memperbanyak lagi pusat-pusat pengajian tinggi. Manakala yang sedia ada diperbesarkan kemampuan dan keupayaannya supaya dapat menerima dan menampung sebanyak mungkin pelajar-pelajar.

Hasilnya, insya Allah, akan mengurangkan pelajar-pelajar yang tidak dapat menyambung pelajarannya selepas peringkat menengah. Mungkin juga kita akan dapat menampung

pelajar-pelajar yang terpaksa melanjutkan pelajaran ke luar negeri, yang akibat sampingannya telah menimbulkan ketidak seragaman pemikiran dan budaya di dalam masyarakat kita.

Tarik Balik Sokongan Pada PBB

(Dewan Rakyat, 30.1.1991)

SECARA khususnya saya hendak bincangkan masalah perkembangan yang berlaku pada hari ini. Kita yakin bahawa Kementerian Luar Negeri kita benar-benar faham akan rentetan peristiwa dan sejarah perkembangan yang berlaku di rantau Teluk Parsi. Tetapi Kementerian Luar Negeri kita mengambil sikap menyokong resolusi Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu sama ada resolusi 661 ataupun 678.

Sokongan yang diberikan itu kita lihat merupakan satu keputusan yang terumbang-ambing, yang hasilnya akan menggadai-kan imej negara dan rakyat Malaysia. Satu keputusan yang memperlihatkan bahawa dasar luar negara kita adalah tunduk kepada telunjuk Amerika yang sememangnya diketahui merupakan satu kuasa besar yang sering menggunakan kuasa-kuasa besarnya itu bagi menindas rakyat di seluruh dunia ini.

Ahli Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu hanya ter-

diri daripada 15 negara. Dua daripadanya terdiri daripada negeri umat Islam iaitu Yaman dan Malaysia. Yaman telah menentukan sikapnya, tetapi negara kita nampaknya tidak menentukan sikapnya, yang membayangkan tiada sedikitpun rasa belas kasihannya kepada sesama umat Islam.

Resolusi 661 menyekat keperluan ke negeri Iraq, yang tentu kita menyedari bahawa keputusan ini akan dilaksanakan dan memberi satu penekanan kelaparan dan kebuluran kepada 99% orang Islam di negeri Iraq. Dan tentu kita tahu bahawa Amerika dan sekutu-sekutunya akan menggunakan keputusan 678 bagi melakukan rentetan-rentetan sejarah zalimnya seluruh dunia ditambah lagi dengan keadaan terumbang-ambingnya kita.

Apabila Kerajaan telah mengambil keputusan menyokong lalu Kerajaan mula memberikan alasan-alasan agama, menggunakan ayat-ayat Al-Quran, Al-Hadith yang diputarbelitkan. Sehingga ada anggota Kerajaan yang sanggup menyamakan Perlembagaan Madinah dengan Perlembagaan Bangsa-bangsa Bersatu, yang tidak ada seorang manusiapun wajar menyamakan. Sangat memalukan, sangat menggadai imej negara kita yang selama ini disanjung oleh masyarakat antarabangsa.

Apabila seluruh rakyat, bangsa dan umat Islam bangkit menghadapi kezaliman Amerika dan sekutu-sekutunya maka ada pula orang-orang upahan mengatakan bahawa menentang kezaliman Amerika ini bukan jihad. Yang lebih malang lagi ada pula yang menulis di suratkhabar bahawa menyokong Amerika untuk menghancurkan orang Islam di Iraq adalah

jihad. Ini satu pandangan dan pemikiran tidak bertanggungjawab yang benar-benar menggadai imej (*muru'ah*) dan nilai diri rakyat negara ini.

Lantaran itu PAS mendesak supaya Kerajaan menarik balik sokongannya kepada Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu atas alasan bahawa sokongan yang Kerajaan berikan itu telah disalahgunakan. Walaupun ini berat dilakukan, tetapi atas nilai-nilai keagamaan dan kemanusiaan ia mesti dilakukan. Kalau tidak, setiap darah yang menitis dan setiap kemusnahan yang berlaku - yang hasilnya nanti Iraq, Kuwait dan Saudi akan menjadi padang jarak padang tekukur - Kerajaan Malaysia turut sama bertanggungjawab.

Di samping itu kita mendesak supaya Amerika Syarikat dan sekutu-sekutunya keluar daripada kawasan Teluk. Selepas itu kita juga mendesak supaya Iraq keluar daripada Kuwait. Tetapi kita ingin menyatakan bahawa kita mendesak juga Iraq supaya tidak keluar daripada Kuwait atas dasar penekanan kezaliman yang dilakukan.

Jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengahari hari ini, satu rombongan daripada kerajaan Arab Saudi telah mendatangi pimpinan-pimpinan PAS meminta supaya pimpinan PAS mendesak Iraq keluar daripada Kuwait. Tetapi pimpinan PAS menganaskan bahawa kita tidak memberarkan Iraq keluar daripada Kuwait dengan penekanan-penekanan kezaliman yang ada pada hari ini. Hendaklah tentera-tentera Amerika dan sekutu-sekutunya keluar lebih dahulu. Selepas itu kita juga mendesak supaya Iraq keluar daripada Kuwait dan negara Kuwait itu diserahkan kepada OIC supaya ia diserahkan kepada rakyat

Kuwait itu sendiri menguasai dan mentadbir negaranya.

Di samping itu kita juga mendesak supaya negara-negara umat Islam berusaha membebaskan diri daripada tekanan-tekanan dan telunjuk-telunjuk kezaliman Bangsa-bangsa Bersatu dan Kuasa-kuasa Besar dengan memperkuat dan memperkuatkan OIC sebagai suatu kekuasaan atau satu kesatuan. Seterusnya bekerjasama di dalam menentukan garis haluan dan arus perjalanan negara-negara umat Islam sebagai negara yang mempunyai nilai di atas dunia ini.

Kita juga mendesak supaya dua kota suci Makkah dan Madinah, ditambah dengan Baitul Muqaddis, dijadikan kota terbuka di dalam pengertian bahawa hendaklah ketiga-tiga kota ini dikuasai dan ditadbir oleh umat Islam seluruhnya di bawah OIC.

Akhirnya, PAS juga menyeru kepada semua negara-negara umat Islam termasuk Malaysia supaya sama-sama membantu membangunkan kembali negeri Kuwait setelah ia dimusnahkan oleh penceroboh-penceroboh yang melakukan pencerobohan pada hari ini. Demikian juga negara Iraq yang tentunya kedua-dua negara ini musnah dilanda oleh peperangan yang begitu hebat. Tidak ketinggalan juga Palestin yang kita tegaskan bahawa isu Palestin itu mestilah dihubung-kaitkan penyelesaiannya dengan penyelesaian masalah yang berlaku di Teluk Parsi ini.

Soalan-soalan Dan Jawapan-jawapan

(Dewan Rakyat, Penggal Pertama, Parlimen Kelapan)

KEDUDUKAN BAHASA MALAYSIA DALAM SEKTOR SWASTA

1. Meminta Menteri Pendidikan menyatakan bahawa sistem pendidikan dalam Bahasa Malaysia secara tidak langsung mengurangkan peluang amali dalam bahasa Inggeris tetapi ini adalah menjadi hasrat Pendidikan Kebangsaan. Kelemahan siswazah kita dalam bahasa Inggeris tetapi tidak kurang dalam kemahiran teknikal telah diambil kesempatan oleh mereka yang akan menjelaskan pencapaian Dasar Ekonomi Baru. Apakah usaha Kerajaan dalam penguatkuasaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi negara terutama dalam sektor swasta? Benarkah kedudukan Bahasa Malaysia sudah kurang memandangkan Kerajaan sudah mengiktiraf Sijil Kolej Tunku Abdul Rahman tanpa kepujian dalam Bahasa Malaysia?

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Fong Chan Onn] menjawab:

Kementerian Pendidikan sentiasa memberi perhatian khusus kepada bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua kerana kepentingan dan peranan bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan kita sebagai sumber rujuk ilmu dan sebagai satu daripada bahasa antarabangsa. Oleh itu Kementerian Pendidikan telah dan sedang mengambil langkah-langkah tertentu untuk mempastikan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar dan mahasiswa dipertingkatkan tanpa menjelaskan penguasaan dan kemahiran dalam Bahasa Malaysia. Program mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris ini termasuklah ke arah penggunaannya sebagai alat komunikasi, iaitu “bidang amali” sebagai yang disebut oleh Yang Berhormat.

Kerajaan tidak ada maklumat dan bukti yang khusus bahawa ada pihak-pihak yang mengambil peluang menjelaskan Dasar Ekonomi Baru semata-mata kerana siswazah kita lemah dalam bahasa Inggeris. Sekiranya ada maklumat dan bukti yang sahii Kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Langkah untuk melaksanakan penguatkuasaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi di sektor swasta dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Usaha-usaha berikut akan dijalankan untuk memperluaskan penggunaan Bahasa Malaysia di sektor swasta:

- (i) Kerajaan sentiasa menggunakan Bahasa Malaysia dalam urusan rasmi dengan pihak swasta dan orang ramai;

(ii) stesen Kempas Baru ke Pelabuhan Pasir Gudang sejauh 29.2 kilometer; dan

(iii) stesen Subang ke stesen Sri Subang sejauh 6.6 kilometer.

Selepas merdeka Kerajaan terpaksa mengagihkan sumber kewangannya yang terhad kepada beberapa sektor untuk mencapai objektif dan strategi pembangunan pada waktu itu. Anggapan bahawa Kementerian kurang sangat memberikan perhatian terhadap pembinaan rel adalah tidak benar kerana misalnya projek-projek pembaharuan landasan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

(i) dari Kerdau ke Sungai Yu sepanjang 148 kilometer telah disiapkan pada tahun 1985 dan kosnya ialah \$47.1 juta;

(ii) dari Sungai Yu ke Tumpat sepanjang 246 kilometer telah disiapkan pada bulan Disember 1989 dan kosnya ialah \$63 juta;

(iii) dari Padang Besar ke Butterworth sepanjang 66 kilometer telah disiapkan pada tahun 1985 dan kosnya ialah \$14.7 juta; dan

(iv) dari Gemas ke Paloh sepanjang 84 kilometer telah disiapkan pada tahun 1989 dan kosnya ialah \$27.8 juta.

Projek pembaharuan landasan yang sedang dijalankan ialah

dari Slim River ke Seremban dan Paloh ke Singapura. Projek ini melibatkan pembaharuan landasan sejauh 327 kilometer. Pada masa ini kerja-kerja sedang dijalankan bagi laluan Slim River ke Seremban dan laluan Paloh ke Singapura telah disiapkan pada tahun 1990. Keseluruhan projek ini dijangka siap pada tahun 1992 dan kos projek ialah \$181 juta.

Di samping itu projek landasan berkembar dari Kuala Lumpur ke Pelabuhan Kelang iaitu termasuk landasan ke Lapangan terbang Subang dan ke Sentul dijangka siap pada tahun 1993 dan kos projek ini ialah \$166 juta; dan dari Rawang ke Seremban dijangka siap pada tahun 1993 dan kosnya ialah \$200 juta.

PELABURAN ASING DI MALAYSIA

6. Meminta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berikutan penyertaan pelaburan asing yang kian meningkat dalam pertumbuhan ekonomi negara sekarang, dan berikutan dengan penyertaan syaikat asing dalam rancangan penswastaan, sila nyatakan peratus ekonomi negara yang dikuasai oleh pihak asing;
- (b) adakah kedudukan penguasaan ekonomi negara akan kembali semula kepada masa negara baru mencapai kemerdekaan di mana ekonomi negara dikuasai oleh pihak luar; dan
- (c) adakah ia wajar atau sebaliknya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar] menjawab:

Data-data terakhir menunjukkan tahap pemilikan pelabur-pelabur asing dalam sektor syarikat adalah kira-kira 23.7 peratus daripada keseluruhan jumlah ekuiti dalam sektor korporat. Sebagaimana yang boleh kita lihat, angka ini adalah di bawah daripada matlamat asal rangka rancangan jangka panjang pertama, di mana rakyat asing dijangka mencapai 30 peratus.

Pada akhir tahun 1960 an, bahagian pemilikan asing ini adalah di tahap kira-kira 63 peratus. Selaras dengan dasar menggalakkan pelabur asing di negara kita khususnya dalam program-program pembangunan seperti sektor perkilangan dan penswastaan, Kerajaan akan senantiasa mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengawasi perkembangan kepentingan asing dalam negara ini. Kerajaan berpendapat, sehingga kini, kemasukan pelabur asing memberi kesan yang positif terhadap pertumbuhan ekonomi negara khususnya dalam penghasilan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat di negar ini. Berdasarkan kepada keterangan di atas serta dasar yang telah ditetapkan, soal penguasaan oleh pihak luar terhadap ekonomi kita adalah tidak timbul.

PEMBINAAN PROJEK HIDRO PERGAU, KELANTAN

7. Meminta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) berapa pihakkah yang telah mengemukakan tawaran sebutharga untuk projek pembinaan Empangan Pergau, Gua Musang, Kelantan Darul Naim dan nyatakan nilai-nilai tawaran masing-masing;
- (b) pihak manakah yang berjaya mendapatkan tender pembinaan projek tersebut dan apakah kriteria pemilihannya; dan
- (c) bagaimanakah cara pembayaran projek tersebut dibuat.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Seri S. Samy Vellu] menjawab:

- (a) Kerajaan telah memutuskan supaya projek hidro Pergau di Negeri Kelantan Darul Naim dirunding secara terus dengan sebuah syarikat British yang bergabung dengan syarikat bu-miputera tempatan. Gabungan syarikat itu ialah Kerjaya Balfabelty Cementation Sdn. Bhd. Harga kontrak asas ialah \$1,345 juta dan Kerajaan British akan memberi bantuan grant kira-kira 35 peratus daripada kos projek berjumlah \$362 juta. Oleh itu jumlah kos sebenar setelah ditolak bantuan grant ialah \$983 juta. Di samping itu Kerajaan British juga telah menawarkan pinjaman mudah dengan kadar bunga yang rendah iaitu antara 1.16 peratus hingga 4.64 peratus setahun bagi keseluruhan baki pinjaman kos projek.
- (b) surat tawaran dikeluarkan pada pertengahan bulan Januari, 1991. Kriteria yang diambilkira dalam pemilihan ialah index daya tanding ekonomi projek, punca dan sumbangan pin-

jaman wang asing dan faedah sampingan yang lain.

(c) mengikut rundingan, Kerajaan British akan membiayai semua kos wang asing yang dianggarkan 70 peratus daripada harga kontrak. Pembiayaan projek akan berbentuk sama ada satu skim terdiri daripada bantuan geran, pinjaman, bunga rendah dan piutang membeli atau satu pinjaman bunga rendah seratus-peratus *soft-loan*.

